
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

EAV 584 – PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR

Masa : 3 jam

Arahan Kepada Calon:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** (4) muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **LIMA** (5) soalan. Jawab **EMPAT** (4) soalan sahaja. Markah hanya akan dikira bagi **EMPAT** (4) jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **EMPAT** (4) jawapan terbaik.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

1. (a) Huraikan dengan ringkas perkara berikut berdasarkan kepada Akta Polisi Alam Sekitar Kebangsaan (1969) di Amerika Syarikat:

- i. Inventori alam sekitar
- ii. Pernyataan kesan alam sekitar
- iii. Persekitaran fizikal-kimikal
- iv. Saringan atau penapisan

(8 markah)

(b) Salah satu faktor yang dipertimbangkan dalam kajian penilaian alam sekitar untuk industri gas British di United Kingdom adalah pertimbangan sosial. Bincangkan dengan ringkas kesan-kesan terhadap penduduk berdekatan dalam suatu kawasan disebabkan projek yang besar.

(6 markah)

(c) Kenalpasti dan bandingkan tiga objektif alam sekitar dibawah Rancangan Malaysia ke Enam dan tiga yang lain dibawah Akta Polisi Alam Sekitar Kebangsaan Amerika Syarikat. Berikan komen anda berdasarkan perbandingan tersebut jika perlu.

(6 markah)

2. (a) Huraikan dengan ringkas mengenai Penilaian Awalan untuk aktiviti yang ditentukan seperti yang diperlukan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

(4 markah)

(b) Analisis faedah dan kos alam sekitar adalah penting untuk membantu proses membuat keputusan. Huraikan dengan ringkas faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan untuk analisis faedah dan kos pada peringkat penilaian awalan seperti yang dikehendakki oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Lakarkan graf yang menunjukkan kos sosial 'marginal' pencemaran, kos sosial marginal untuk mengurangkan pencemaran dan lengkung hasil sebenar untuk sebarang projek.

(8 markah)

(c) Skoping merupakan suatu proses yang dijalankan pada peringkat awal penilaian projek. Huraikan dengan ringkas objektif proses ini.

(8 markah)

3. (a) Membuat empangan terhadap sungai dan menimbulkan persekitaran berbentuk tasik mendatangkan kesan yang mendalam terhadap hidrologi dan limnologi sistem sungai. Bincangkan isu-isu yang berlaku berdasarkan kawalan aliran yang disebabkan projek empangan.

(10 markah)